

## KATEGORI AZAM

Terdapat lima (5) projek di bawah Program 1AZAM iaitu AZAM Niaga, AZAM Khidmat, AZAM Tani, AZAM Kerja, dan AZAM Bandar.

### ❖ **AZAM Niaga**

Menyediakan peluang menjana pendapatan melalui **perniagaan kecil-kecilan** dengan kemudahan latihan dan skim kredit mikro. Antara jenis perniagaan yang boleh diusahakan ialah produk makanan dan minuman, barangan kraftangan, dan perniagaan runcit.

### ❖ **AZAM Khidmat**

Menawarkan peluang menjana pendapatan melalui **bidang perkhidmatan** dengan memberi latihan kepada peserta bagi membolehkan mereka mempunyai kemahiran tertentu seperti rawatan penjagaan diri, urutan dan refleksologi.

### ❖ **AZAM Tani**

Memberi peluang menjana pendapatan melalui **kegiatan berasaskan pertanian** yang memberikan hasil/pulangan jangka pendek seperti tanaman sayuran dan buah-buahan (cili fertigasi, sawi, nenas dan jagung), ternakan (ikan air tawar, ayam, dan itik). Projek ini dijalankan secara pertanian berkelompok dan individu.

### ❖ **AZAM Kerja**

Menawarkan peluang menjana pendapatan melalui **penempatan kerja**. Projek ini memberi fokus kepada pelbagai bidang pekerjaan bagi mereka yang produktif, mempunyai kelayakan minimum atau tanpa kemahiran. Peserta projek ini akan diberi latihan kemahiran yang membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian seperti, pelayan restoran, pekerja restoran makanan segera dan pekerja hotel.

### ❖ **AZAM Bandar**

Disasarkan untuk membantu golongan miskin bandar meningkatkan **kemahiran melalui kursus latihan dan kemahiran dan membekalkan bantuan peralatan** agar mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan

pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.